



Agama Islam Bukanlah Hanya Teori Kosong

(Oleh: Ustaz Muhammad Ali al-Hamidi)

Agama Islam sebagaimana kita telah ketahui, tidak memadai dengan hanya pengakuan sahaja menjadi orang Islam, tetapi mestilah disertakan dengan amal perbuatan yang ditunjukkan oleh junjungan kita Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, sehingga kita menjadi orang Islam yang sempurna di dalam perkara yang bertali dengan rohani dan jasmani, zahir dan batin.

Bagi meningkat kepada tingkatan tersebut, telah ditunjukkan jalannya, yang dimulai iktikad, ibadat dan terus kepada akhlak, muamalat dan lain-lainnya. Semua itu

tidak akan dapat mempengaruhi rohani dan jasmani.

Kalau tidak diambil panduan dari kitab Allah al-Qur’ān, dan dari hadith Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*. Yang kedua diakui oleh sahabat-sahabat Nabi, tābi’īn, imam-imam mujtahidīn, ulama-ulama ahli hadith, bahkan oleh Allah dan Nabi sendiri, sebagai punca asli dari agama Islam.

Firman Allah *Subḥānahu wa Ta’ālā*:

Wahadhā kitābun anzalnāhu mubārakun fattabi’ūhu wattaqū la’allakum turḥamūn. (al-An’ām, 155).

Ertinya: “Dan inilah sebuah kitab al-Qur’ān yang kami turunkan, yang diberkati oleh itu, turutlah dia dan berbaktilah supaya kamu diberi rahmat.”

Dan firman-Nya lagi:

Wamā arsalnā min rasūlin illā liyuṭā’a bi’izni Llāhi (al-Nisā’, 64).

Ertinya: “Dan tidak kami utus seseorang Rasul pun melainkan untuk ditaati (diturut) dengan izin Allah.”

Di samping jalan-jalan kebahagiaan yang ditunjukkan oleh agama Islam bagi mencapai kebaikan sebanyak-banyaknya, oleh kerana dikehendaki supaya kebaikan itu tetap ada pada kita kaum Muslimin, diterangkanlah di dalam al-Qur’ān, beberapa sifat dari pembawa kejahatan, musuh kebaikan atau kaki tangan syaitan, dengan sebutan seperti ((*fāsiqūn*)) (orang-orang fasik), ((*mutakabbirūn*)) (orang-orang sombong), ((*munāfiqūn*)) (orang-orang munafik), ((*‘adūn*)) (orang-orang yang melampaui batas), ((*ḍāllīn*)) (orang-orang yang sesat), ((*kufrat*)) (orang-orang kafir), ((*fajrat*)) (orang-orang yang derhaka), ((*zālimīn*)) (orang-orang yang aniyai), ((*mufsidūn*)) (orang-orang yang membuat kerosakan), dan lain-lainnya lagi, yang kesemuanya itu tidak boleh ada pada

kita kaum Muslimin.

Dalam menuntut kebaikan, hendaklah kita berjaga-jaga jangan sampai termasuk ke dalam perangkap syaitan, sehingga mendapat sebutan jahat dan keji. Kerana orang-orang yang mempunyai sifat-sifat tersebut, hidupnya hina di dunia, kerana manusia takut akan kejahatannya, dan di akhirat mendapat azab yang pedih.

Jadikanlah pendoman hidup akan sabda Nabi

Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ṣallam*

Mathalu al-mu’mini mathalu al-naḥlaṭi in akalat akalat

tayyiban, wa in waḍa’at waḍa’at tayyiban, wa in waqa’at ‘alā

‘ūdin nakhirin’ lam taksirhu. (al-Bayhaqī)

Ertinya: “Perumpamaan orang Mukmin itu seperti

lebah, jika ia makan, ia makan baik; jika ia

mengeluarkan (hasil), ia mengeluarkan hasil baik; dan

jika ia hinggap di batang-batang kayu yang sudah lapuk,

ia tidak merosakkannya.”

Maksudnya, kita sebagai orang mukmin hendaknya

berlaku serba baik, jika makan hendaklah makan yang

baik, begitu juga jika kita menerima dan memberikan

hendaknya yang baik-baik. Pendeknya menjadi orang-orang Islam,

keluar dan masuk, menerima dan memberi, bahkan segala

perbuatan kita hendaknya yang baik-baik sahaja, apa lagi

yang mengenai sesama Islam.

Tiap-tiap seorang di antara kita tertuntut berusaha

bekerja bersungguh-sungguh untuk memberikan kebaikan

sebanyak-banyaknya. Mudah-mudahan dengan itu, Allah jadikan baik

keadaan kita kaum muslimin – Amin *Yā Rabb al-‘Ālamīn*.



Sebahagian daripada penuntut lelaki Madrasah Nahḍah al-Waṭaniyyah Kokdiang¹ – Kedah, bergambar ramai dengan guru-guru dan pengelola madrasah, pada hari ihtifal dan majlis bacaan al-Qur’ān al-Karīm baharu-baharu ini.

¹ Dalam E-book Majelis Orang-orang Saleh: Renungan hadis-hadis pilihan, ejaannya adalah نحر (*naḥirin*)

² Ejaan sekarang ialah Kodiang